**NAM SIN & SONS SDN BHD**

**lwn.**

**PAKATAN RAYA SDN BHD; ASM DEVELOPMENT SDN BHD (GARNISI)**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
AHMAD MAAROP PK
[SAMAN PEMULA NO: 24-18-2000]
23 OKTOBER 2000

***PROSEDUR SIVIL:*** *Perlaksanaan - Perintah garnisi - Prosiding garnismen terhadap plaintif - Defendan memperolehi perintah garnismen mutlak - Samada ia perintah persetujuan - Samada terdapat kompromi antara plaintif dan defendan - Samada mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk mengenepikan perintah garnismen - Samada perintah tunjuk sebab mengikat dalam tangan plaintif apa-apa hutang yang kena dibayar plaintif - Adakah permohonan plaintif satu penyalahgunaan proses mahkamah - Samada perintah garnismen mutlak tak sah dan batal*

Plaintif melalui saman pemula memohon satu deklarasi bahawa perintah garnisi mutlak bertarikh 26 Februari 1999 adalah tidak sah dan batal. Defendan dan OKA Concrete Industries Sdn Bhd ('OKA') adalah pemiutang penghakiman kepada Pakatan Raya Sdn Bhd (Pakatan Raya) dan Pakatan Raya sebagai penghutang penghakiman. Defendan dan OKA menuntut hutang dari satu pihak yang sama iaitu Pakatan Raya. Plaintif (Garnisi) pula berhutang dengan Pakatan Raya suatu amaun sebanyak RM182,996.27. Defendan dan OKA telah memulakan prosiding garnismen terhadap plaintif. OKA telah menyampaikan perintah garnismen untuk menunjukkan sebab pada 25 Januari 1999 dan defendan menyampaikannya pada 5 Februari 1999 kepada plaintif. Pada 26 Februari 1999 defendan telah memperolehi perintah garnismen mutlak.

Persoalan penting yang berbangkit adalah: (i) samada perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 adalah perintah yang dibuat dengan persetujuan atau satu perintah yang dibuat berikutan dengan tiada bantahan oleh pihak-pihak dalam kes ini; (ii) samada perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 boleh diketepikan; (iii) samada perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 adalah tidak sah dan batal; dan (iv) samada permohonan plaintif adalah penyalahgunaan proses mahkamah.

**Diputuskan:**

**[1]** Jika sesuatu perintah itu adalah perintah persetujuan, mahkamah akan hanya boleh mengubah perintah itu atas alasan yang sama yang membolehkan mahkamah mengubah kontrak. Manakala jika suatu perintah itu adalah perintah yang dibuat dengan tiada bantahan oleh pihak-pihak, perintah itu boleh diubah dalam keadaan yang sama seperti perintah-perintah lain yang dibuat oleh mahkamah tanpa persetujuan pihak-pihak.

**[2]** Persoalan samada terdapat kompromi atau perkiraan di antara plaintif dan defendan untuk mewujudkan satu perintah persetujuan boleh diputuskan dengan meneliti dan menimbangkan fakta-fakta dan keadaan. Satu perintah itu tidak semestinya bukan satu perintah persetujuan hanya kerana ia tidak dengan ketara menyatakan sedemikian. Adalah jelas bahawa perintah bertarikh 26 Februari 1999 adalah satu perintah persetujuan.

**[3]** Mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk mengenepikan perintah garnismen mutlak dalam kes ini sekiranya pemohon dapat membuktikan syarat-syarat yang membolehkan pengenepian suatu perintah persetujuan dibuat. Plaintif telah diberi peluang untuk memberitahu mahkamah sesyen mengapa perintah garnismen defendan tidak patut dijadikan mutlak dan ini tidak dilakukan oleh plaintif. Plaintif juga memang bersedia untuk membayar RM182,996.27 kepada defendan. Maka perintah garnismen defendan telah dijadikan mutlak secara persetujuan dan ia tidak dapat diketepikan.

**[4]** Perintah yang menunjukkan sebab yang disampaikan kepada plaintif oleh OKA pada 25 Januari dan mulai dari tarikh tersebut telah mengikat dalam tangan plaintif apa-apa hutang yang kena dibayar plaintiff kepada OKA. Plaintif tidak boleh membayar hutang itu kepada orang lain selain OKA dan jikalau plaintif membayar juga kepada orang lain, plaintif tetap terpaksa bayar kepada OKA. Penyampaian perintah menunjukkan sebab tersebut tidak membatalkan perintah garnismen mutlak atau membuatnya tidak sah.

**[5]** Permohonan plaintif adalah merupakan satu usaha plaintif untuk menghidupkan semula prosiding bagi garnisi menunjukkan sebab yang telah diadakan pada 26 Februari 1999. Ini adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah. Jika mahkamah membenarkan permohonan dan mengistiharkan perintah garnismen mutlak 26 Februari 1999 adalah tak sah dan batal, tiada terdapat apa-apa perintah yang memerlukan plaintif membayar hutang kepada defendan atau pun OKA. Ini akan mengakibatkan salah laksana keadilan dan tidak boleh dibiarkan.

*[Permohonan plaintif ditolak.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Badiaddin v. Mohd Mahidin & Anor v. Arab Malayan Finance Bhd [1998] 2 CLJ 75* ***(dirujuk)***

*Behn Meyer & Co (M) Sdn Bhd v. Agropharm [1988] 2 MLJ 636* ***(dirujuk)***

*Cheng Keng Hoong v. Govt Of The Federation Of Malaya [1967] 2 MLJ 1* ***(dirujuk)***

*Galbraith v. Grimshaw and Baxter [1901] 1 KB 339* ***(dirujuk)***

*Hock Hua Bank Bhd v. Sahari Murid [1981] 1 MLJ 143* ***(dirujuk)***

*In re Stanhope Silkstone Collieries Company [1879] Ch D 160* ***(dirujuk)***

*Jasa Keramat Sdn Bhd v. Monatech (M) Bhd [1999] 4 CLJ 533* ***(dirujuk)***

*Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng & Ors [1996] 2 CLJ 185* ***(dirujuk)***

*Labtec Sdn Bhd v. Resilient Construction Sdn Bhd (Syarikat Telekom Malaysia Bhd, Third Party; Perangsang Aluminium Sdn Bhd, Intervener) [1992] 2 MLJ 853* ***(dirujuk)***

*Lau Ming Hing Richard v. Bank Pembangunan Malaysia Bhd [1994] 2 MLJ 323* ***(dirujuk)***

*Marshall v. James [1905] Ch 432* ***(dirujuk)***

*Tio Chee Hing v. Tractors Malaysia Bhd [1973] 1 MLJ 66* ***(dirujuk)***

*Tuan Hj Ahmed Abdul Rahman v. Arab Malaysian Finance Bhd [1996] 1 CLJ 241* ***(dirujuk)***

*Visia Finance Bhd v. Expert Credit & Leasing Sdn Bhd & Ors [1998] 2 CLJ 845* ***(dirujuk)***

*YAM Tengku Iskandar Ibni Almarhum Tengku Ahmad v. Majlis Kerajaan Negeri Kelantan & Satu Lagi [1998] 1 CLJ Supp 416* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Companies Act 1965, s. 224

Rules of the High Court 1980, O. 29 r. 14, O. 33 rr. 3(2), 4, 5, O. 49 r. 6(1), O. 51A, O. 83 r. 4(1)

*Bagi pihak perayu - Tan Han Seng; T/n Mah-Kamariah & Partners*
*Bagi pihak defendan - Chua Bee Ang; T/n Moi NK Koh & Chee*

*Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

## PENGHAKIMAN

**Ahmad Maarop PK:**

### Latar Belakang

Dalam kes ini melalui saman pemula yang difailkan pada 17 Januari 2000, (kandungan 1) plaintif memohon satu deklarasi bahawa perintah Garnisi Mutlak bertarikh 26 Februari 1999 di antara Nam Sin & Sons Sdn Bhd sebagai pemiutang penghakiman; Pakatan Raya Sdn Bhd sebagai penghutang penghakiman; dan ASM Development Sdn Bhd sebagai Garnisi di Mahkamah Sesyen di Melaka berkaitan dengan Saman No. 52-436-1998 adalah tak sah dan batal.

Secara alternatifnya, plaintif memohon supaya perlaksanaan perintah garnisi mutlak tersebut digantung sehinggalah pelupusan muktamad rayuan plaintif di Mahkamah Tinggi Ipoh, Rayuan No. 12-20-99 atau pelupusan muktamad permohonan interplider plaintif di Mahkamah Sesyen di Ipoh, Saman No. 52-1251-98, yang mana lebih lewat.

Latar belakang kes ini yang membawa kepada pemfailan kandungan 1 adalah seperti berikut:

Defendan adalah pemiutang penghakiman kepada Pakatan Raya Sdn Bhd melalui satu penghakiman bertarikh 28 Ogos 1998 yang diperolehi dari Mahkamah Sesyen Melaka dalam Saman No. 52-436-1998 bagi hutang penghakiman berjumlah RM202,135. OKA Concrete Industries Sdn. Bhd (OKA) pula adalah pemiutang penghakiman kepada Pakatan Raya Sdn. Bhd. melalui satu penghakiman bertarikh 15 Julai 1998 yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen Ipoh dalam kes Saman No. 52-1251-1998 bagi jumlah RM220,460. Pakatan Raya Sdn Bhd telah diberikan oleh plaintif satu kontrak untuk membina dan menyiapkan longkang utama III di Bandar Tasik Selatan dengan balasan sebanyak RM1,584,985. Menurut plaintif, bagi kerja-kerja yang telah dilakukan oleh Pakatan Raya Sdn. Bhd, plaintif berhutang kepada Pakatan Raya Sdn Bhd sebanyak RM182,996.27.

Defendan dan OKA telah memulakan prosiding garnismen terhadap plaintif. Defendan memperolehi perintah garnismen untuk menunjukkan sebab pada 15 Januari 1999. OKA pula memperolehi perintah garnismen untuk menunjuk sebab pada 19 Disember 1998. Pada 25 Januari 1999 OKA telah menyampaikan kepada plaintif perintah garnismen untuk menunjukkan sebab yang diperolehinya. Manakala pada 5 Februari 1999 defendan pula telah menyampaikan kepada plaintif perintah garnismen menunjuk sebab yang diperolehinya. Pada 26 Februari 1999 defendan telah memperolehi perintah garnismen mutlak. Perintah ini telah dibuat oleh Mahkamah Sesyen Melaka secara persetujuan. Perintah garnismen mutlak inilah yang dipohon pengenepiannya oleh plaintif dalam kes ini.

Perintah garnismen mutlak ini telah disampaikan kepada plaintif pada 31 Mac 1999.

Pada 26 Mac 1999, OKA telah memperolehi perintah garnismen mutlak yang telah disampaikan kepada plaintif pada 8 April 1999. Plaintif telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi Ipoh terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Ipoh mengeluarkan perintah garnismen mutlak kepada OKA. Rayuan ini telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Ipoh pada 27 Jun 2000. Pada masa yang sama plaintif juga telah memfailkan satu prosiding interpleader di Mahkamah Sesyen Ipoh dan juga permohonan untuk penggantungan perintah ganismen mutlak OKA.

Pada 3 Mac 2000 Hakim Mahkamah Sesyen Ipoh telah memutuskan bahawa beliau tidak dapat membuat apa-apa perintah dalam permohonan interpleader oleh plaintif kerana beliau dan Hakim Mahkamah Sesyen Melaka mempunyai "coordinate jurisdiction". Memandangkan bahawa Mahkamah Tinggi Ipoh telah pun menolak rayuan plaintif terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Ipoh membuat perintah garnismen mutlak OKA, dan memandangkan bahawa Mahkamah Sesyen Ipoh telah pun membuat keputusan mengenai permohonan interpleader yang dibuat oleh plaintif, permohonan plaintif secara alternatif di perenggan 2 kandungan (1) menjadi akademik. Oleh itu mahkamah ini akan hanya menumpukan pertimbangannya kepada permohonan plaintif di perenggan 1 kandungan (1).

Pada 2 Julai 1999 permohonan plaintif untuk mendapatkan perintah penggantungan perlaksanaan perintah garnismen mutlak defendan bertarikh 26 Februari 1999 telah ditolak oleh Mahkamah Sesyen Melaka dan Mahkamah Sesyen Melaka telah memutuskan supaya plaintif membuat bayaran bagi jumlah RM182,996.27 ke dalam mahkamah sehingga perintah selanjutnya. Plaintif telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi Melaka terhadap keputusan ini. Pada 2 Disember 1999 Mahkamah Tinggi Melaka telah memerintahkan supaya perintah Mahkamah Sesyen Melaka bertarikh 2 Julai 1999 yang memerintahkan garnisi (plaintif) membayar RM182,996.27 ke mahkamah diketepikan. Mahkamah Tinggi Melaka juga memerintahkan bahawa plaintif diberi kebebasan untuk memohon sekali lagi bagi satu perintah penggantungan ke atas perlaksanaan perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 atas fakta-fakta yang tidak dapat dikemukakan dengan sebab-sebab yang munasabah.

Dan latar belakang yang telah dikemukakan adalah jelas bahawa ini adalah satu kes di mana dua pemiutang penghakiman (defendan dan OKA) menuntut hutang dari satu pihak yang sama (Pakatan Raya Sdn Bhd). Plaintif (garnisi) pula berhutang dengan Pakatan Raya Sdn Bhd suatu amaun yang menurut plaintif adalah sebanyak RM182,996.27.

**Persoalan-Persoalan Penting**

Persoalan penting yang berbangkit untuk pertimbangan mahkamah dalam kes ini adalah seperti:

(i) Samada perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 adalah perintah yang dibuat dengan persetujuan (consent order) atau satu perintah yang dibuat berikutan dengan tiada bantahan oleh pihak-pihak dalam kes ini;

(ii) Samada perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 boleh diketepikan?;

(iii) Samada perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 yang telah dibuat oleh Mahkamah Sesyen Melaka adalah tak sah dan batal; dan

(iv) Samada permohonan plaintif adalah penyalahgunaan proses mahkamah.

**Samada Perintah Garnismen Mutlak Yang Dibuat Pada 26 Februari 1999 Adalah Satu Perintah Persetujuan**

Peguam plaintif menghujahkan bahawa perintah garnismen mutlak yang dibuat pada 26 Februari 1999 bukanlah satu perintah persetujuan tetapi adalah satu perintah yang dibuat dengan tiada bantahan daripada plaintif. Menurut peguam plaintif selama ini pendirian plaintif ialah bahawa plaintif tiada bantahan terhadap permohonan defendan untuk mendapatkan perintah garnismen mutlak kerana plaintif memang mengaku berhutang dengan Pakatan Raya Sdn Bhd. Peguam tersebut menghujahkan bahawa terdapat perbezaan diantara satu perintah persetujuan dengan satu perintah yang diperolehi dengan tiada bantahan. Menurutnya bagi satu perintah persetujuan mesti ada satu perkiraan atau kompromi. Untuk menyokong hujah ini peguam plaintif telah mengemukakan penghakiman dalam kes *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v. Arab Malaysian Finance Bhd* [1996] 1 CLJ 241. Peguam defendan pula menghujahkan bahawa perintah tersebut adalah suatu perintah persetujuan.

Dalam kes *Tuan Haji Ahmed*, responden telah memasuki satu penghakiman ingkar kehadiran terhadap perayu untuk wang berjumlah RM4,923,242.69 dengan faedah 1% lebih tinggi daripada kadar yang ditetapkan atas kiraan harian. Perayu telah memfailkan suatu permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar tersebut atas alasan bahawa ia telah dimasuki secara luar aturan, kerana A. 83 k. 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) menyatakan bahawa dalam suatu tindakan gadaian yang dimulakan dengan writ, penghakiman ingkar kehadiran tidak harus dimasukkan kecuali dengan kebenaran mahkamah. Penolong Kanan Pendaftar telah membuat keputusan mengenepikan penghakiman ingkar tersebut. Penentang telah merayu kepada hakim dalam kamar. Rayuan penentang dibenarkan dan perayu merayu ke Mahkamah Persekutuan. Dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan, Edgar Joseph Jr HMP telah menyatakan (dims 254):

> Unfortunately, the judges's attention was not directed to certain other authorities which show clearly that there is a sharp distinction in law between a 'consent order' and an order to which a party is 'not objecting'.
>
> In *Chandless-Chandless v. Nicholson* [1942] 2 KB 321 at p 324 CA, Lord Greene MR said this:

> There is a great deal of difference between a consent order in the technical sense and an order which embodies provisions to which neither party objects. The mere fact that one side submits to an order does not make that order a consent order within the technical meaning of that expression.

In *Thorne v. Smith* [1947] KB 307 at p 315; [1947] 1 All ER 39 at p 44, Somervell LJ said this:

> The expression 'a consent order' may suggest some compromise or arrangement which might be inconsistent with the provisions of the Acts (Rent Restrictions Act). When the defendant is agreeing to submit to judgment because he is satisfied that the plaintiff can establish his right to an order under the Acts, it might be advisable to avoid the use of the word 'consent' which may have a wider meaning and cover cases where the 'consent' was the result of an arrangement which could not properly be made the basis of an order.

In *Siebe Gorman & Co Ltd* [1982] 1 All ER at p. 380; [1984] 1 WLR 185 at p. 189, Denning MR said:

> We have had a discussion about 'consent orders'. It should be clearly understood by the profession that, when an order is expressed to be made 'by consent', it is ambiguous. There are two meanings to the words 'by consent'. That was observed by Lord Greene MR in *Chandless-Chandless v. Nicholson* [1942] 2 KB 321. One meaning is this: the words 'by consent' may evidence a real contract between the parties. In such a case the court will only interfere with such an order on the same grounds it would with any other contract. The other meaning is this: the words 'by consent' may mean 'the parties hereto not objecting'. In such a case there is no real contract between the parties. The order can be altered or varied by the court in the same circumstances as any other order that is made by the court without the consent of the parties.

In our view, given the circumstances of the present case, the default judgment was not a consent judgment, as it was never even alleged by the respondent that there has been any compromise or arrangement between the parties pursuant to which the default judgment had been entered.

Dari penghakiman dalam kes tersebut adalah jelas bahawa jika sesuatu perintah itu adalah perintah persetujuan, mahkamah akan hanya boleh mengubah perintah itu atas alasan yang sama yang membolehkan mahkamah mengubah sesuatu kontrak. Manakala jika suatu perintah itu adalah perintah yang dibuat dengan tiada bantahan oleh pihak-pihak, perintah itu boleh diubah dalam keadaan yang sama seperti perintah-perintah lain yang dibuat oleh mahkamah tanpa persetujuan pihak-pihak.

Mahkamah ini akur dengan prinsip mengenai perbezaan di antara satu perintah persetujuan dengan satu perintah yang dibuat dengan tiada bantahan yang diputuskan dalam kes yang tersebut diatas. Berdasarkan kepada penghakiman dalam kes *Tuan Haji Ahmed* juga mahkamah ini membuat kesimpulan bahawa persoalan samada terdapat kompromi atau perkiraan diantara plaintif dan defendan (untuk mewujudkan satu perintah persetujuan) boleh diputuskan dengan meneliti dan menimbangkan fakta-fakta dan keadaan kes ini. Satu perintah itu tidak semestinya bukan satu perintah persetujuan hanya kerana ia tidak dengan ketara menyatakan sedemikian. Mahkamah boleh merujuk kepada nota-nota prosiding dalam sesuatu kes itu. Sehubungan ini saya tidak melupakan apa yang telah dinyatakan oleh Chong Siew Fai H (pada masa itu) dalam kes *Lau Ming Hing Richard v. Bank Pembangunan Malaysia Bhd* [1994] 2 MLJ 323, dims 329:

> Although the said order dated 21 July 1984 does not expressly state on it that it was made by consent, there can be no denial that it was a consent order. This is clear from the notes of proceedings (exh 1 annexed to Megat Zabidi's first affidavit) relating to the bank's application for summary judgment during which Mr George Lo of Mark Foong & Co, acting for Lau, stated on 21 July 1984 that his client (Lau) had no objection to the application. That being so, the omission to state in the order that it was made by consent does not affect the fact that it was so made. *Darley (Trustee of Baines) v. Tulle*y.

Dalam penghakiman saya, dengan mengguna pakai otoriti dalam kes *Tuan Haji Ahmed*, saya tidak dapat menerima hujah peguam plaintif bahawa perintah garnismen mutlak yang bertarikh 26 Februari 1999 bukan satu perintah persetujuan. Fakta yang relevan dalam kes *Tuan Haji Ahmed* tidak serupa dengan fakta dalam kes di hadapan saya. Dalam kes *Tuan Haji Ahmed*, penghakiman yang dicabar adalah satu penghakiman ingkar kehadiran. Hakim Mahkamah tinggi dalam kes tersebut telah memutuskan bahawa penghakiman ingkar dalam kes tersebut adalah serupa dengan satu penghakiman persetujuan. Ini jelas daripada penghakiman Mahkamah Persekutuan (dims 255):

> The judge was therefore wrong when he said, with regard to the default judgment, that 'it is as if a consent judgment had been entered, and unless the defendant could bring the matter more or less within the terms in which a consent judgment can be set aside, he would not succeed in his application to have such a judgment set aside.

Dalam kes di hadapan saya, daripada perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 (eks. SPM1, kandungan 4) dan nota keterangan dalam kes Guaman Sivil 52-436-98 Mahkamah Sesyen Melaka dimana perintah garnismen tersebut dibuat (eks. SPM2 kandungan 4), adalah jelas bahawa peguam pemiutang penghakiman (defendan) dan peguam garnisi (plaintif) telah hadir dihadapan Hakim Mahkamah Sesyen Melaka dalam prosiding yang tersebut

di atas. Tiada terdapat apa-apa dalam keterangan dokumentar tersebut yang menunjukkan bahawa plaintif yang diwakili oleh peguamnya mempunyai apa-apa bantahan. Apa yang di rekodkan dalam nota keterangan ialah dalam kehadiran peguam plaintif dan peguam defendan, Hakim Mahkamah Sesyen Melaka telah memerintahkan:

> **Dengan persetujuan garnisi** diperintahkan membayar RM182,996.27 kepada pemiutang penghakiman tanpa kos.

Walaupun apa yang dituntut oleh pemiutang penghakiman ialah RM202,135, apa yang telah diperintahkan dibayar oleh plaintif dalam perintah tersebut ialah RM182,996.27. Jumlah RM182,996.27 ini adalah jumlah yang menurut kiraan plaintif, adalah jumlah yang kena dibayar kepada Pakatan Raya Sdn Bhd (affidavit Abdul Rahman b. Mohd Zaki, Pengarah Urusan plaintif perenggan 7, kandungan 2). Jumlah ini hanya boleh datang dari atau diberitahu oleh peguam plaintif. Saya memutuskan bahawa daripada nota keterangan dan perintah bertarikh 26 Februari 1999, terdapat kompromi atau perkiraan di antara plaintif dan defendan yang menjadi asas kepada perintah tersebut. Dalam penghakiman saya adalah jelas bahawa perintah bertarikh 26 Februari 1999 adalah satu perintah persetujuan.

**Samada Perintah Garnismen Mutlak Bertarikh 26 Februari 1999 Boleh Diketepikan**

Peguam plaintif menghujahkan bahawa perintah bertarikh 26 Februari 1999 boleh diketepikan atas alasan kesilapan fakta dipihak plaintif bahawa terdapat satu hutang yang boleh ditahan pada 26 Februari 1999. Untuk menyokong hujah ini peguam plaintif telah mengemukakan sebagai otoriti kes *Marshall v. James* [1905] Ch 432. Dalam hujah balasnya mengenai isu ini peguam defendan menghujahkan bahawa satu perintah persetujuan hanya boleh diubah dengan persetujuan kedua-dua belah pihak. Kes *Visia Finance Bhd v. Expert Credit & Leasing Sdn Bhd & Ors* [1998] 2 CLJ 845 dan kes *Behn Meyer & Co (M) Sdn Bhd v. Agropharm* [1988] 2 MLJ 636 telah dikemukakan sebagai otoriti.

Dalam kes *Behn Meyer*, plaintif telah memperolehi penghakiman terhadap defendan-defendan untuk satu jumlah wang lebih tiga juta ringgit. Di antara tindakan yang diambil oleh plaintif untuk mendapatkan jumlah wang tersebut ialah dengan memulakan prosiding garnismen terhadap FELDA. FELDA berhutang dengan defendan pertama. Dalam perbicaraan perintah menunjukkan sebab di hadapan Penolong Kanan Pendaftar, FELDA telah tidak mempertikaikan liabilitinya untuk membayar RM103,951 kepada defendan pertama. Satu perintah garnismen mutlak telah dibuat dan dengan persetujuan, FELDA telah di perintahkan membayar kepada pemiutang penghakiman

RM103,951 hutang yang kena dibayar oleh FELDA kepada defendan pertama. Selepas FELDA membayar wang tersebut kepada plaintif, ICI Agriculture (M) Sdn Bhd, selaku pencelah, telah membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk dijadikan pihak dalam prosiding garnismen tersebut dan memohon antara lain, supaya perintah garnismen mutlak diketepikan. Penolong Kanan Pendaftar telah membenarkan permohonan pencelah dan mengenepikan perintah garnismen mutlak. Plaintif telah merayu. Persoalan dihadapan Mahkamah Tinggi ialah samada Penolong Kanan Pendaftar mempunyai bidang kuasa untuk mengenepikan perintah yang telah dibuatnya itu. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa Penolong Kanan Pendaftar tidak mempunyai bidang kuasa untuk berbuat demikian. Dalam penghakimannya VC George H (pada masa itu) menyatakan (dims 637):

> In respect of a garnismen order absolute, I know of no express or even implied rule or any principal that similarly allows the court that made the order absolute to alter, vary or set aside the order.

Pandangan tersebut telah dinyatakan oleh hakim yang arif itu selepas beliau menyatakan prinsip bahawa mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa, dalam suatu tindakan yang sama, untuk meminda atau mengenepikan sesuatu perintah yang telah diperolehi secara regular, selepas perintah tersebut telah disempurnakan melainkan dibawah peruntukan-peruntukan kaedah tertentu yang secara spesifik membenarkan mahkamah berbuat demikian. Penghakiman Chang Min Tat HMP dalam kes *Hock Hua Bank Bhd v. Sahari b. Murid* [1981] 1 MLJ 143 telah dirujuk sebagai otoriti untuk menyokong prinsip tersebut.

Tidaklah dinafikan bahawa kes *Behn Meyer* merupakan satu-satunya otoriti yang memutuskan persoalan seperti yang dibangkitkan dalam kes ini. Mahkamah Tinggi dalam kes *Behn Meyer* menyatakan bahawa, (tidak seperti dalam hal perintah selain daripada perintah garnismen mutlak), tidak terdapat kaedah atau prinsip yang ketara atau tersirat yang membenarkan mahkamah meminda atau mengenepikan perintah garnismen mutlak. Malangnya penghakiman tersebut tidak menyatakan mengapa prinsip yang terpakai dalam hal pengenepian perintah mahkamah (selain dari perintah garnismen mutlak) tidak boleh digunakan dalam mempertimbangkan permohonan untuk mengenepikan perintah garnismen mutlak. Perintah garnismen mutlak seperti yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen Melaka pada 26 Februari 1999, adalah satu daripada beberapa banyak jenis perintah yang boleh dibuat oleh mahkamah. Jika perintah-perintah lain yang dibuat oleh mahkamah boleh diketepikan sekiranya cukup syarat-syaratnya seperti yang diputuskan oleh penghakiman dalam kes-kes mahkamah, saya tidak nampak kenapa dari segi undang-undang perintah garnismen mutlak tidak boleh diketepikan atas alasan yang sama. Sebagai satu contoh katakanlah sesuatu perintah garnismen mutlak

itu adalah jelas tak sah dan batal misalnya atas alasan ianya bertentangan dengan sesuatu statut. Dalam penghakiman saya dalam keadaan sedemikian, untuk menjalankan keadilan mahkamah mesti mempunyai bidang kuasa untuk dan boleh mengenepikan perintah garnismen mutlak tersebut. Penghakiman dalam kes *Badiaddin v. Mohd Mahidin & Anor v. Arab Malayan Finance Bhd* [1998] 2 CLJ 75 boleh dikemukakan untuk menyokong pandangan ini. Saya menyedari bahawa dalam kes *Badiaddin* perintah mahkamah yang dicabar bukan perintah persetujuan sedangkan dalam kes yang sedang saya pertimbangkan melibatkan perintah persetujuan. Tetapi saya berpendapat prinsip dalam kes *Badiaddin* adalah terpakai dalam hal perintah persetujuan. Dalam kes *Badiaddin*, dalam penghakimannya dims 113 Gopal Sri Ram HMR menyatakan:

> It is one thing to say that an order of a court of unlimited jurisdiction must be obeyed until it is set aside. It is quite different thing to say that a court of unlimited jurisdiction may make orders in breach of written law. *Isaacs v. Robertson* is certainly not authority for the latter proposition. I take it to be well settled that even courts of unlimited jurisdiction have no authority to act in contravention of written law. Of course, so long as an order of a court of unlimited jurisdiction stands, irregular though it may be, it must be respected. But where an order of such a court is made in breach of statue, it is made without jurisdiction and may therefore be declared void and set aside in proceeding brought for that purpose. It is then entirely open to the court, upon the illegality being clearly shown, to grant a declaration to the effect that the order is invalid and to have it set aside. It is wrong to assume that such an order may only be corrected on appeal.

Selanjutnya dims 117 hakim yang arif itu menyatakan:

> It is therefore clear, in light of the principles established by high authority, that a court of unlimited jurisdiction, even in the absence of an express enabling provision, has inherent power to set aside orders made in breach of written law. The ends of justice will not be met if such a power did not exist. And the procedural branch of the broad and flexible doctrine of estoppel known as *res judicata* finds no place in such a circumstance. Neither has the *functus officio* theory, which, upon close examination is merely part and parcel of the doctrine of *res judicata*, any role to play in the case.

Saya memutuskan bahawa selain daripada keadaan dimana sesuatu perintah garnismen itu bertentangan dengan undang-undang bertulis, dari segi undang-undang, mahkamah juga mempunyai bidangkuasa untuk mengenepikan perintah garnismen mutlak dalam kes ini sekiranya pemohon dapat membuktikan syarat-syarat yang membolehkan pengenepian suatu perintah persetujuan dibuat. Ini adalah berikutan dengan penghakiman saya bahawa perintah bertarikh 26 Februari 1999 adalah perintah persetujuan.

Kedudukan undang-undang mengenai pengenepian perintah persetujuan telah diputuskan dalam beberapa kes. Sesuatu perintah persetujuan boleh diketepikan atas alasan-alasan yang mencukupi untuk mengenepikan suatu perjanjian (*Tio Chee Hing v. Tractors Malaysia Bhd* [1973] 1 MLJ 66, dan *Khaw Poh Chhuan v. Ng Gaik Peng & Ors* [1996] 2 CLJ 185. Satu perintah yang telah dibuat dengan persetujuan dalam ketiadaan fraud hanya boleh diubah dengan keizinan (*Visia Finance Bhd v. Export Credit & Leasing Sdn Bhd & Ors* [1998] 2 CLJ 845).

Peguam plaintif menghujahkan bahawa perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 telah dibuat bertentangan dengan A. 33 k. (3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 (KMR). Seperti yang akan saya huraikan kemudian dalam penghakiman ini, saya tidak dapat menerima hujah tersebut. Jadi perintah bertarikh 26 Februari 1999 itu tidak boleh diketepikan atas alasan tersebut. Berikutan dengan ini soal yang timbul seterusnya ialah samada plaintif telah membuktikan apa-apa alasan lain yang mencukupi untuk mengenepikan satu perjanjian?

Plaintif, melalui afidavit Abdul Rahman b. Mohd Tahir yang telah diikrarkan pada 20 Januari 2000 (kandungan 2) telah menimbulkan dakwaan bahawa perintah garnismen mutlak tidak dibantah kerana salahfaham atas isu liabiliti. Ini dinyatakan secara sampingan diperenggan 13 affidavit tersebut:

> Namun demikian, saya dinasihati oleh peguamcara plaintif dan mempercayai sesungguhnya bahawa sememangnya ketika garnisi nisi defendan dijadikan mutlak pada 26 Februari 1999, garnisi nisi defendan langsung tidak mengikat apa-apa jumlah wang dalam tangan plaintif maka garnisi mutlak tersebut tetap batal dan tak sah, walaupun garnisi mutlak defendan tidak dibantah **atas kesalahfahaman isu liabiliti.**

Dalam penghujahannya peguam plaintif mengulangi dakwaan plaintif ini. Menurut peguam plaintif bantahan tidak dibuat pada 26 Februari 1999 kerana kesilapan tentang fakta bahawa terdapat suatu hutang yang boleh ditahan.

Defendan menyangkal dakwaan ini melalui affidavit Soh Peng Mun, pengurus defendan (kandungan 4). Defendan menyatakan bahawa tidak mungkin terdapat apa-apa kesalahfahaman tentang isu liabiliti plaintif kepada defendan dan OKA, memandangkan bahawa plaintif pada semua masa yang berkenaan diwakili oleh peguamcara yang juga hadir pada 26 Februari 1999 apabila perintah garnismen mutlak dibuat oleh Mahkamah Sesyen Melaka.

Tiada penjelasan yang lanjut diberikan oleh plaintif tentang bagaimana kesilapan yang didakwanya itu boleh berlaku?, dan bila ianya disedari?. Jika kesilapan tersebut telah dibuat oleh peguam yang mewakili plaintif pada 26 Februari 1999, keterangan dan penjelasan dari peguam tersebut adalah penting.

Keterangan dan penjelasan dari peguam tersebut sudah pasti dapat membantu mahkamah dalam menyelesaikan isu ini. Jika ianya benar-benar merupakan satu kesilapan di pihak peguam plaintif, tidak sukar baginya untuk mengemukakan satu afidavit untuk menjelaskan perkara ini. Malangnya penjelasan dari peguam yang mewakili plaintif pada 26 Februari 1999 di Mahkamah Sesyen telah tidak dikemukakan. Setelah menimbang keseluruhan fakta-fakta dan keadaan kes ini, mahkamah ini tidak dapat menerima dakwaan plaintif mengenai wujudnya kesilapan atau ketidakfahaman. Pada 26 Februari 1999 prosiding di Mahkamah Sesyen Melaka ialah bagi plaintif sebagai garnisi untuk menunjukkan sebab kepada mahkamah kenapa ia tidak patut diperintahkan membayar kepada defendan hutang yang dituntut dalam perintah menunjukkan sebab yang telah diserahkan oleh defendan kepada plaintif pada 5 Februari 1999. Sayugia diingat bahawa pada tarikh yang lebih awal, iaitu pada 25 Januari 1999, OKA telah pun menyampaikan kepada plaintif perintah untuk menunjukkan sebab mengapa ia tidak patut membayar OKA RM220,460 (yang kena dibayar oleh Pakatan Raya Sdn Bhd kepada OKA). Jadi adalah jelas sekali bahawa prosiding di Mahkamah Sesyen Melaka pada 26 Februari 1999, sepatutnya merupakan peluang yang terawal dan terbaik bagi plaintif atau peguamnya untuk memberitahu Mahkamah Sesyen Melaka mengapa perintah garnismen defendan tidak patut dijadikan mutlak. Sekurang-kurangnya prosiding tersebut boleh dimanfaatkan oleh plaintif atau peguamnya untuk memaklumkan kepada Mahkamah Sesyen Melaka perihal perintah untuk menunjukkan sebab yang telah disampaikan terhadapnya oleh OKA pada 25 Januari 1999. Tetapi dari nota keterangan dalam prosiding pada 26 Februari 1999 di Mahkamah Sesyen Melaka (eks SPM 2, kandungan 4) dan perintah bertarikh 26 Februari 1999 (eks SPM 1, kandungan 4) adalah jelas bahawa semua ini telah tidak dilakukan oleh plaintif. Adalah sukar hendak diterima kemungkinan bahawa plaintif atau peguam yang mewakilinya pada masa itu telah terlupa atau terlepas pandang mengenai perkara yang sebegitu penting (iaitu perintah untuk menunjukkan sebab yang telah disampaikan kepada plaintif oleh OKA) yang akan melibatkan bayaran oleh plaintif jumlah yang besar. Dalam penghakiman saya, apa yang telah tidak dilakukan dan apa yang telah dilakukan oleh peguam plaintif bukanlah disebabkan oleh kesilapan atau salah faham. Plaintif memang bersedia dan mahu dengan sukarela membayar RM182,996.27 kepada defendan (pemiutang kepada Pakatan Raya Sdn. Bhd). Itulah sebabnya maka perintah garnismen defendan telah dijadikan mutlak secara persetujuan pada 26 Februari 1999. Dalam keadaan ini saya tidak dapat mengenepikan perintah garnismen bertarikh 26 Februari 1999.

**Samada Perintah Garnismen Mutlak Bertarikh 26 Februari 1999 Yang Dibuat Oleh Mahkamah Sesyen Melaka Adalah Tak Sah Dan Batal**

Jawapan kepada persoalan ini bergantung kepada kesimpulan yang akan dibuat mengenai kesan penyampaian perintah garnisi untuk menunjukkan sebab yang telah diperolehi oleh OKA daripada Mahkamah Sesyen Ipoh dan diserahkan kepada plaintif pada 25 Januari 1999.

Untuk memulakan huraian mengenai persoalan ini ada manfaatnya rujukan dibuat kepada peruntukkan mengenai prosiding garnismen dibawah KMR. Dibawah KMR prosiding mengenai garnismen diperuntukkan dibawah A. 33. Peruntukkan-peruntukkan dibawah A. 33 KMR pada prinsipnya adalah serupa dengan peruntukan-peruntukan mengenai prosiding garnismen dibawah A. 49 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT).

Daripada peruntukan-peruntukan dibawah A. 33 KMR adalah jelas bahawa jika seseorang pemiutang penghakiman telah memperolehi suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang oleh orang lain (penghutang penghakiman), pemiutang penghakiman tersebut boleh memohon suatu perintah mahkamah untuk memerintahkan mana-mana orang lain (garnisi) yang berhutang kepada penghutang penghakiman membayar kepada pemiutang penghakiman apa-apa hutang yang kena dibayar oleh garnisi kepada penghutang penghakiman. Perintah tersebut hendaklah pada mula-mulanya menjadi suatu perintah untuk menunjukkan sebab (oleh garnisi). Perintah tersebut juga hendaklah buat sementara itu menahan (hutang yang kena dibayar oleh penghutang penghakiman) yang ada dalam tangan garnisi. Perintah tersebut hendaklah diserahkan ke diri garnisi dan kepada penghutang penghakiman (melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh mahkamah). Menurut A. 33 k. 3(2) KMR mulai dari tarikh penyampaian perintah itu, ianya hendaklah mengikat dalam tangan garnisi apa-apa hutang yang dinyatakan dalam perintah itu. A 33 k. 3(2) KMR memperuntukkan:

> Sesuatu perintah yang sedemikian hendaklah mengikat dalam tangan garnisi mulai dari tarikh penyampaian perintah itu kepadanya apa-apa hutang yang dinyatakan dalam perintah itu atau sekian banyak daripadanya sebagaimana yang dinyatakan sedemikian.

A. 33 k. 4 & k. 5 KMR pula menyatakan:

> 4 (1) Jika atas pertimbangan lanjut perkara itu garnisi tidak hadir atau tidak mempertikaikan hutang yang kena dibayar atau dituntut kena dibayar olehnya kepada penghutang penghakiman, mahkamah boleh, tertakluk kepada kaedah 7, membuat suatu perintah mutlak dalam salah satu bentuk dalam Borang 91 di bawah kaedah 1 terhadap garnisi.

(2) Sesuatu perintah mutlak di bawah kaedah 1 terhadap garnisi boleh dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti mana-mana perintah lain bagi pembayaran wang.

5. Jika atas pertimbangan lanjut perkara itu, garnisi mempertikaikan liabiliti untuk membayar hutang yang kena dibayar atau dituntut kena dibayar olehnya kepada penghutang penghakiman, maka mahkamah boleh secara terus memutuskan soalan yang menjadi isu atau memerintahkan dalam Borang 92 supaya apa-apa soalan yang perlu bagi memutuskan liabiliti garnisi itu dibicarakan mengikut apa-apa cara yang mengikutnya apa-apa soalan atau isu dalam sesuatu tindakan boleh dibicarakan.

Peruntukan dibawah A. 33 k. 3(2) KMR seperti yang tersebut diatas telah dijadikan asas bagi hujah yang dikemukakan bagi pihak plaintif dalam kes ini. Hujah plaintif yang berasaskan kepada A. 33 k. 3(2) KMR ini merupakan hujah utama plaintif. Peguam plaintif telah berhujah bahawa penyampaian perintah ganismen untuk menunjukkan sebab oleh OKA kepada plaintif pada 25 Januari 1999, adalah perkara yang penting kerana dengan penyampaian perintah itu, ianya mengikat dalam tangan plaintif mulai dari tarikh itu (25 Januari 1999) hutang yang dinyatakan dalam perintah tersebut. Menurut peguam plaintif, akibatnya ialah, pada 26 Februari 1999 apabila Mahkamah Sesyen Melaka membuat perintah garnismen mutlak secara persetujuan, sebenarnya tidak wujud lagi satu hutang yang boleh ditahan. Oleh kerana tidak wujud lagi satu hutang yang boleh ditahan, pada 26 Februari 1999 mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah mutlak tersebut. Oleh kerana mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah tersebut, perintah tersebut, walaupun telah dibuat dengan persetujuan adalah tak sah dan batal. Oleh itu perintah tersebut hendaklah diketepikan. Untuk menyokong hujah ini peguam plaintif telah merujuk kepada kes-kes *In re Stanhope Silkstone Collieries Company* [1879] Ch D 160, *Cheng Keng Hoong v. Govt Of The Federation Of Malaya* [1967] 2 MLJ 1 dan *YAM Tengku Iskandar Ibni Almarhum Tengku Ahmad v. Majlis Kerajaan Negeri Kelantan & Satu Lagi* [1998] 1 CLJ Supp 416.

Hujah peguam plaintif bahawa perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 itu tak sah tidak terhenti di situ sahaja. Hujah tersebut selanjutnya digunakan oleh peguam plaintif untuk menyangkal hujah peguam defendan. Peguam defendan berhujah bahawa permohonan plaintif tidak seharusnya dilayan oleh mahkamah ini kerana plaintif sepatutnya telah memohon untuk mengenepikan perintah mutlak tersebut dalam masa 30 hari dibawah A. 29 k. 14 (KMR) atau mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi dalam masa 14 hari daripada tarikh keputusan itu dibuat dibawah A. 49 k. 6 KMR. Menurut peguam defendan, melalui permohonan ini plaintif membuat litigasi semula bagi isu-isu yang sama dan cuba memintas kaedah-kaedah mengenai rayuan

dan pengenepian yang telah ditetapkan dalam kaedah-kaedah mahkamah. Sebagai jawapan, peguam plaintif berhujah bahawa oleh kerana perintah mutlak tersebut adalah tak sah, peruntukan mengenai pengenepian dan rayuan tidak terpakai. Ini adalah kerana jika sesuatu perintah itu tak sah, rayuan tiada gunanya kerana perintah tersebut boleh dicabar dalam satu prosiding kolateral. Untuk menyokong hujah ini peguam plaintif telah merujuk kepada kes *Badiaddin v. Mohd Mahidin & Anor v. Arab Malayan Finance Bhd* [1998] 2 CLJ 75, dimana dims 93, Mohd Azmi HMP dalam penghakimannya telah menyatakan bahawa:

> Similarly in this country, the statement of Abdoolcader J (as he then was) in *Eu Finance Bhd v. Lim Yoke Foo* [1982] 2 MLJ 37 at p. 39 provides the correct guideline on the subject:
>
> > The general rule is that where an order is a nullity, an appeal is somewhat useless as despite any decision on appeal, such an order can be successfully attacked in collateral proceedings; it can be disregarded and impeached in any proceedings, before any court or tribunal and whenever it is relied upon – in other words, it is subject to collateral attack. In collateral proceedings, the court may declare an act that purports to bind to be non-existent. In *Harkness v. Bells' Asbestos and Engineering* [1967] 2 QB 729, Lord Diplock LJ (now a Law Lord) said (at p. 736) that 'it has been long laid down that where an order is a nullity, the person whom the order purports to effect has the option either of ignoring it or of going to the court and asking for it to be set aside.

Dengan menggunakan penghakiman dalam kes *Badiaddin* peguam plaintif juga menghujahkan selanjutnya bahawa oleh kerana perintah mutlak tersebut adalah batal, maka prinsip *res judicata* atau pun *functus officio* tidak boleh menghalang mahkamah ini dari menjalankan inherent jurisdictionnya untuk mengenepikan perintah yang tak sah itu.

Tidaklah dinafikan bahawa dibawah peruntukan A. 33 k. 3(2) KMR, satu perintah untuk menunjukkan sebab yang disampaikan kepada seseorang garnisi, mengikat dalam tangan garnisi itu mulai dari tarikh penyampaian perintah itu kepadanya, apa-apa hutang yang dinyatakan dalam perintah itu. Tetapi saya tidak dapat menerima hujah bahawa penyampaian perintah untuk menunjukkan sebab oleh OKA kepada plaintif pada 25 Januari 1999 menjadikan perintah garnismen mutlak yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen Melaka pada 26 Februari 1999 itu tak sah dan batal seperti yang dihujahkan oleh peguam plaintif. Saya tidak fikir kes *Stanhope Silkstone* merupakan otoriti untuk hujah yang dikemukakan oleh peguam plaintif itu. Dalam kes *Stanhope Silkstone* pada 16 Oktober 1878 Sheffield Waggon Company memperolehi penghakiman terhadap Stanhope Silkstone Company bagi jumlah £1684. Pada 22 Januari

1879 jumlah penghakiman masih lagi belum dijelaskan. Sheffield Waggon Company telah mendapatkan perintah garnisi nisi terhadap Newmarket Gas Company untuk menahan kesemua hutang syarikat itu kepada Stanhope Silkstone Company. Perintah ini diserahkan kepada Newmarket Gas Company pada 25 Januari 1879. Sebelum itu pada 24 Januari 1879, petisyen untuk penggulungan telah dikemukakan terhadap Stanhope Silkstone Company yang kemudiannya telah digulong. Perentah garnisi nisi tersebut telah dijadikan mutlak pada 30 Januari 1879. Mahkamah telah memutuskan bahawa pemiutang penghakiman yang telah memperolehi perintah garnisi nisi untuk menahan hutang yang kena dibayar oleh garnisi kepada penghutang penghakiman, tidak dapat menahan hutang tersebut sehingga perintah garnisi nisi tersebut diserahkan kepada garnisi. Dalam penghakimannya Jessel MR menyatakan dims 161:

> The attachment of garnishee order is a mode of enforcing by execution the payment of the debt in the original action; and the order that the debt be attached and that the garnishee, that is, the debtor of the original judgment debtor, shall appear to show cause why he should not pay the debt, does not operate to give the plaintiff in the original action any security until it is served. It is quite plain that the garnishee before service may pay his own creditor, that is, the original judgment debtor, and then the judgment creditor would have no remedy under the order, but would have to issue execution against the judgment debtor upon the original unsatisfied judgment.

Dalam penghakiman saya, apabila perintah untuk menunjukkan sebab disampaikan oleh OKA kepada plaintif pada 25 Januari 1999, perintah tersebut mulai daripada 25 Januari 1999, mengikat dalam tangan plaintif apa-apa hutang plaintif yang kena dibayar kepada Pakatan Raya, dalam ertikata plaintif tidak boleh membayar hutang itu kepada orang lain selain dari OKA. Jika plaintif membayar juga kepada orang lain, plaintif terpaksa membayar kepada OKA. Pandangan ini disokong oleh penghakiman dalam kes *Galbraith v. Grimshaw And Baxter* [1901] 1 KB 339. Dalam kes tersebut penghakiman Jessel MR dalam kes *Stanhope Silkstone* telah diperjelaskan oleh Farwell LJ dalam penghakimannya. Dims 343 hakim yang arif itu telah menyatakan:

> The effect of the service of garnishee order nisi in England was thus stated by Jessel MR in *In re Stanhope Silkstone Collieries Co*. (1): "The attachment or garnishee order is a mode of enforcing by execution the payment of the debt in the original action; and the order that the debt be attached and that the garnishee, that is, the debtor of the original judgment debtor, shall appear to show cause why he should not pay the debt, does not operate to give the plaintiff in the original action any security until it is served". It is plain that Jessel MR means that as soon as the order is served it does give the judgment creditor some security. It does not, it is true, operate as a transfer of the property in the debt, but it is an equitable charge on it, and the garnishee

cannot pay the debt to any one but the garnishor without incurring the risk of having to pay it over again to the creditor. That was decided in *Rogers v. Whiteley* (2), where a garnishee order nisi which attached all debts owing or accruing due from the garnishee to the judgment debtor was served on the garnishee, who had in his hands as banker moneys belonging to the judgment debtor exceeding the amount of the judgment debt. The judgment debtor having brought an action against the garnishee for refusing to honour cheques which the judgment debtor drew on the balance over and above the amount of the debt, the House of Lords held that the order attached the whole of the moneys in the garnishee's hands and that he was right in dishonouring the cheques. It is plain, therefore, that in this case, although there has been no actual transfer of the debt, **there is such a charge on it that the garnishee could not safely hand over the money to the trustee in bankruptcy, for if he did so he would still be liable to the defendants** (Tekanan ditambah).

Beralih kepada otoriti tempatan, saya telah memperolehi bantuan dan panduan yang amat berguna dari penghakiman dalam kes *Labtec Sdn Bhd v. Resilient Construction Sdn Bhd (Syarikat Telekom Malaysia Bhd, Third Party; Perangsang Aluminium Sdn Bhd, Intervener)* [1992] 2 MLJ 853. Dalam kes *Labtec* seorang pemiutang penghakiman telah memperolehi suatu perintah garnismen mutlak terhadap garnisi pada 27 Ogos 1990 untuk menjelaskan hutang penghakiman yang kena dibayar oleh penghutang penghakiman. Pada masa yang material, terdapat suatu injunksi mareva yang menahan penghutang penghakiman daripada melupuskan wang yang kena dibayar kepada penghutang penghakiman oleh garnisi. Pada masa perintah garnismen itu dijadikan mutlak, terdapat juga satu petisyen penggulungan yang masih belum selesai terhadap penghutang penghakiman. Pada masa yang material itu juga sudah terdapat beberapa orang pemiutang kepada penghutang penghakiman yang telah pun mendapat perintah garnismen mutlak terhadap garnisi. Garnisi telah merayu kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan oleh Penolong Kanan Pendaftar yang telah memberikan perintah garnismen mutlak itu pada 27 Ogos 1990. Tiga alasan yang dikemukakan oleh garnisi dalam rayuannya adalah seperti berikut:

(1) Penolong Kanan Pendaftar tidak mempunyai bidang kuasa untuk memberi perintah itu kerana perintah garnismen itu adalah bertentangan dengan perintah injunksi mereka;

(2) Oleh kerana terdapat petisyen penggulungan yang masih belum selesai pada masa perintah itu dibuat, Penolong Kanan Pendaftar telah bertindak bertentangan dengan s. 224 Akta Syarikat 1965;

(3) Perintah garnismen mutlak itu telah dibuat bertentangan dengan A. 49 k. 6(1) dibaca bersama dengan A. 51A KMT kerana pada masa yang material terdapat enam pemiutang kepada penghutang penghakiman yang lain yang

telah pun diberi perintah garnismen mutlak. Oleh sebab itu sepatutnya terdapat pembahagian berkadar wang yang kena dibayar kepada penghutang penghakiman diantara beberapa pemiutang itu.

Dalam penghakimannya menolak rayuan garnisi, Lim Beng Choon H telah menyatakan (dims 861):

> In the first place, at the time of service upon a garnishee of an order to show cause all such property of the judgment debtor as therein mentioned is being attached in the hands of the garnishee to answer the order to show cause. In other words, the attachment of the property of the judgment debtor has already been effected and the garnishee is asked to appear at the hearing of the order to show cause to explain if he can, 'why he should not pay to the person who has obtained such judgment or order' the debt due from him or so much thereof as may be sufficient to satisfy the judgment or order (per judgment of Chitty J in the case of *Re Greer*). In citing the judgment of Chitty J, I have not overlooked the fact that in making this proposition, his Lordship was giving an exposition of the effect of the provisions of O. 45 r. 1 of the pre-1963 English Supreme Court Rules which was in *pari materia* with O. 45 r. 1 of our old Rules of High Court 1957. However that may be, it is to be noted that under O. 49 r. 1(2) of our new Rules of High Court 1980 the same provision has been provided where it says:
>
> > *An order under this rule shall in the first instance be an order to show cause, specifying the time and place for* further consideration of the matter and in the meantime attaching such debt as is mentioned in para (1) or so much thereof as may be specified in the order to answer the judgment or order *mentioned in that paragraph and the costs of the garnishee proceedings.* (emphasis added).
>
> From the clear wording of O. 49 r. 1(2) there can be no dispute that *upon the issue and the seryice of the order to show cause on the garnishee, the attachment of the property of the judgment debtor has been affected and the garnishee is asked to appear only to show cause as to why he should not release the debt to the judgment creditor* (Tekanan ditambah).

Menggunakan pakai prinsip yang diputuskan dalam kes *Galbraith v. Grimshaw* dan kes *Labtec* dalam kes ini, apabila OKA menyampaikan perintah menunjukkan sebab kepada plaintif pada 25 Januari 1999, OKA memperolehi sekuriti atas jumlah hutang yang kena dibayar oleh Pakatan Raya (yang ada dalam tangan plaintif). Jika plaintif membayar jumlah hutang itu kepada orang lain selain OKA, plaintif terpaksa membayar pula jumlah itu kepada OKA. Tetapi dalam penghakiman saya, penyampaian perintah menunjukkan sebab tersebut tidak menjadikan perintah garnismen mutlak yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen Melaka pada 26 Februari 1999 tak sah dan batal.

Dalam kes *Labtec* pun misalnya sebelum perintah garnismen mutlak (yang dicabar oleh garnisi) dibuat oleh Penolong Kanan Pendaftar, telah pun terdapat beberapa perintah garnismen mutlak lain yang dibuat terhadap garnisi. Pada hemat saya, perintah yang disampaikan oleh OKA kepada plaintif pada 25 Januari 1999 ialah suatu perintah kepada plaintif untuk menunjukkan sebab kenapa plaintif tidak patut membayar RM220,460 kepada OKA. Ini dilakukan oleh plaintif dalam prosiding yang di adakan di Mahkamah Sesyen Ipoh pada 26 Mac 1999. Pada 26 Februari 1999, seperti yang diarahkan dalam perintah garnisi untuk menunjukkan sebab yang telah disampaikan kepadanya pada 5 Februari 1999, plaintif sepatutnya telah menunjukkan sebab di hadapan Mahkamah Sesyen Melaka mengapa ia tidak patut membayar kepada defendan jumlah penghakiman RM202,135. Seperti yang telah saya nyatakan dibahagian lain penghakiman ini, prosiding di Mahkamah Sesyen Melaka pada 26 Februari 1999 memberikan peluang yang terawal dan terbaik bagi plaintif untuk memaklumkan kepada mahkamah tuntutan hutang yang dihadapinya. Adalah menjadi tanggungjawab plaintif untuk memberitahu mahkamah bahawa OKA telah pada 25 Januari 1999, menyampaikan kepadanya satu perintah untuk menunjukkan sebab di Mahkamah Sesyen Ipoh mengenai hutang RM220,460. Tetapi seperti yang telah dinyatakan dalam penghakiman ini semua ini telah tidak dilakukan oleh atau bagi pihak plaintif. Peguam plaintif telah mendiamkan diri mengenai perintah untuk menunjukkan sebab yang telah disampaikan oleh OKA. Oleh kerana itu sikap dan pendirian yang telah diambil oleh plaintif, dalam penghakiman saya, plaintif tidak boleh dalam permohonan ini memohon kepada mahkamah ini untuk mengistiharkan bahawa perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 adalah tak sah dan batal. Dalam kes *Labtec* Lim Beng Choon H menyatakan dims 862:

> Furthermore *when the garnishee having failed to show cause to the satisfaction of the SAR resulting in the said order being made absolute, they went on to pay the garnished sum in order to have the attachment of their property uplifted. Having done so they are now precluded from challenging the validity of the garnishee order obsolute granted on 27 August 1990* – see the *Supreme Court Practice* (1979 Ed) vol 1 p 769 para 49/1/16 (tekanan ditambah).

Oleh kerana saya tidak mengistiharkan bahawa perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 adalah tak sah dan batal, maka dengan sendirinya hujah peguam plaintif bahawa plaintif masih boleh mencabar perintah tersebut melalui prosiding kolateral, dengan sendirinya hilang asas dan kekuatannya. Ini adalah kerana seperti yang diputuskan dalam kes *Badiaddin* prosiding kolateral boleh digunakan untuk mencabar perintah yang batal. Oleh kerana perintah 26 Februari 1999 tidak diistiharkan tak sah dan batal, tidak timbul soal mencabar perintah itu dalam prosiding kolateral.

**Samada Permohonan Plaintif Adalah Penyalahgunaan Proses Mahkamah**

Keadaan-keadaan di mana proses mahkamah boleh disalahgunakan adalah pelbagai dan banyak dan kategori bagi kes-kes penyalahgunaan proses mahkamah adalah tidak tertutup. Samada sesuatu tindakan dalam sesuatu kes itu terjumlah kepada suatu penyalahgunaan proses mahkamah adalah bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan sesuatu kes itu (*Jasa Keramat Sdn Bhd v. Monatech (M) Bhd* [1999] 4 CLJ 533).

Peguam defendan menghujahkan bahawa permohonan plaintif adalah penyalahgunaan proses mahkamah kerana plaintif tidak pernah pada bila-bila masa merayu terhadap perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999. Fakta-fakta material yang dikemukakan oleh plaintif untuk menyokong permohonan dalam kes ini memang telah wujud pada 26 Februari 1999. Plaintif sepatutnya telah memberitahu Mahkamah Sesyen pada 26 Februari 1999 tentang dilema yang dihadapinya kerana telah diserahkan dengan dua perintah untuk menunjukkan sebab dan dua pemiutang penghakiman yang berasingan terhadap satu hutang. Menurut peguam defendan dokumen-dokumen yang dikemukakan untuk menyokong permohonan plaintif juga telah wujud pada 26 Februari 1999 tetapi plaintif gagal mengemukakannya ke Mahkamah Sesyen Melaka.

Saya tidak dapat menolak hujah yang telah dikemukakan oleh peguam defendan itu. Sebelum ini saya telah pun memutuskan bahawa plaintif memang bersedia dan rela untuk membayar kepada defendan RM182,996.27 jumlah wang yang menurut plaintif kena dibayar olehnya kepada Pakatan Raya Sdn. Bhd. Itulah sebabnya plaintif telah tidak menunjukkan sebab dan bersetuju perintah garnismen defendan dijadikan mutlak pada 26 Februari 1999. Tetapi kemudiannya plaintif telah mengubah pendiriannya dan mencabar perintah yang telah dibuat dengan persetujuannya itu. Plaintif sepatutnya telah merayu terhadap perintah bertarikh 26 Februari 1999 itu atau mengemukakan permohonan untuk pengenepian dalam masa yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah. Kesemua tindakan tersebut telah tidak diambil oleh plaintif. Selepas hampir setahun baru permohonan dalam kes ini dibuat. Ini pun selepas permohonannya untuk menggantungkan perlaksanaan perintah garnismen bertarikh 26 Februari 1999 ditolak oleh Mahkamah Sesyen Melaka pada 2 Julai 1999. Plaintif telah merayu ke Mahkamah Tinggi Melaka terhadap keputusan tersebut. Pada 2 Disember 1999 Mahkamah Tinggi Melaka tidak membuat keputusan menggantungkan perlaksanaan perintah garnismen mutlak 26 Februari 1999 tetapi memberi kebebasan kepada plaintif untuk memfailkan semula permohonan untuk penggantungan perlaksanaan perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 atas fakta-fakta yang tidak dapat dikemukakan atas alasan-alasan yang munasabah. Dalam permohonan dalam

kes ini plaintif tidak menjelaskan apakah fakta-fakta yang terdahulu dari ini tidak dapat dikemukakan atas alasan-alasan yang munasabah. Cuma satu isu baru telah ditimbulkan, iaitu isu kesilapan tentang samada wujudnya satu hutang yang boleh ditahan pada 26 Februari 1999. Isu kesilapan inipun seperti yang telah dihuraikan dalam penghakiman ini, ditimbulkan sebagai isu sampingan sahaja. Seperti yang telah saya nyatakan dibahagian lain dalam penghakiman ini, penjelasan yang lebih lanjut mengenai kesilapan ini telah tidak dikemukakan oleh plaintif. Saya telah pun menolak alasan mengenai kesilapan ini. Kesimpulannya, tidak kira berapa kali fakta-fakta dalam kes ini diteliti, fakta yang mesti ditemui ialah bahawa pada 26 Februari 1999 apabila plaintif melalui peguamnya, hadir di Mahkamah Sesyen Melaka, plaintif telah pun diserahkan dengan dua perintah untuk menunjukkan sebab; satu dari OKA (pada 25 Januari 1999) dan satu lagi dari defendan (pada 5 Februari 1999). Fakta yang sangat penting ini telah tidak dimaklumkan oleh plaintif atau peguamnya kepada Mahkamah Sesyen Melaka pada 26 Februari 1999. Dalam permohonan yang ada di hadapan mahkamah sekarang, plaintif tidak dapat lari dari dan mesti memperkatakan fakta yang sangat penting tersebut. Dalam keadaan sedemikian saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa permohonan ini adalah merupakan satu usaha plaintif untuk menghidupkan semula prosiding bagi garnisi menunjukkan sebab yang telah diadakan pada 26 Februari 1999 di Mahkamah Sesyen Melaka. Dalam penghakiman saya, ini adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah. Selain dari itu mahkamah ini telah dimaklumkan bahawa plaintif telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi Ipoh terhadap perintah garnismen mutlak yang telah dibuat oleh Mahkamah Sesyen Ipoh. Menurut peguam plaintif, rayuan tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Ipoh pada 27 Jun 2000. Plaintif telah mengemukakan notis usul di Mahkamah Rayuan untuk membuat rayuan seterusnya. Ini boleh menimbulkan implikasi bahawa jika mahkamah ini membenarkan permohonan didalam kes ini dan mengistiharkan perintah garnismen mutlak 26 Februari 1999 adalah tak sah dan batal dan rayuan plaintif berkaitan dengan perintah garnismen di Ipoh dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan, tiada terdapat apa-apa perintah yang memerlukan plaintif membayar kepada defendan atau pun OKA. Ini akan mengakibatkan salah laksana keadilan dan tidak boleh di biarkan.

**Kesimpulan**

Berdasarkan kepada huraian dalam penghakiman ini saya memutuskan:

(1) bahawa perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 adalah satu perintah persetujuan;

(2) bahawa dari segi undang-undang suatu perintah garnismen mutlak (yang merupakan satu perentah persetujuan) boleh diketepikan jika terbukti syarat-syarat yang mencukupi untuk mengenepikan satu perjanjian. Dari fakta-fakta dalam kes ini, plaintif telah gagal untuk membuktikan syarat-syarat yang mencukupi untuk mengenepikan satu perjanjian. Oleh itu perentah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 tidak boleh diketepikan;

(3) untuk **tidak** membuat deklarasi bahawa perintah garnismen mutlak bertarikh 26 Februari 1999 adalah tak sah dan batal, dan

(4) bahawa permohonan plaintif adalah penyalahgunaan proses mahkamah.

**Keputusan**

Atas alasan-alasan yang tersebut diatas, permohonan plaintif dalam saman pemula bertarikh 17 Januari 2000 (kandungan 1) ditolak dengan kos.